

29 SEP 2002

India-NAM/I

INDIA YAKIN DENGAN KEPIMPINAN MAHATHIR DALAM NAM

Oleh: R. Ravichandran

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- India, anggota pengasas Pergerakan Berkecuali (NAM), yakin Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi dorongan baru dan memacu pergerakan itu ke era baru.

Dalam temubual khas dengan Bernama di sini, Menteri Luar India Yashwant Sinha berkata Dr Mahathir mempunyai reputasi tersendiri di arena antarabangsa dan beliau terkenal kerana kebebasan berfikirnya.

"Oleh itu, saya yakin melalui kerjasama dengan pemimpin negara anggota NAM lain, akan membolehkan beliau (Dr Mahathir) mengerakkan badan itu dengan dorongan baru dan memantapkan peranan NAM dalam dunia unipolar (hanya satu kuasa dunia)," katanya dalam temubual yang diadakan sempena lawatan dua harinya ke Malaysia pada 26 dan 27 Sept.

Sinha berkata India menunggu Malaysia mempengerusikan NAM dan akan memberikan kerjasama, seperti yang diberikan oleh New Delhi kepada pengerusi sekarang, Afrika Selatan, bagi memastikan pergerakan itu lebih relevant dalam dunia hari ini.

Beliau berkata India telah mengemukakan kertas konsep mengenai peranan dan tanggungjawab yang boleh dimainkan oleh pergerakan itu kepada NAM dan menambah bahawa sesi pecambahan idea akan diadakan, sama seperti yang berlangsung di Afrika Selatan, sebelum berlangsungnya Sidang Kemuncak NAM ke-13 di Kuala Lumpur Februari depan.

Daripada hanya kira-kira 25 negara anggota, NAM kini dianggotai 114 negara, menjadikannya blok tunggal terbesar negara membangun. India menjadi tuan rumah sidang kemuncak NAM ketujuh pada Mac 1983.

NAM dibentuk pada kemuncak Perang Dingin sebagai sebuah badan bebas dalam politik dunia, bagi memastikan anggotanya tidak menjadi alat dalam perjuangan ideologi antara kuasa-kuasa besar yang ketika itu yang diketuai Soviet Union dan Amerika Syarikat. Perjuangan untuk membebaskan diri daripada penjajahan dan perjuangan menentang imperialisme merupakan

antara agenda penting NAM pada peringkat awal pembentukannya.

NAM yang tidak mempunyai sekretariat tetap, juga dikritik kerana ketidakcekapan dan kegagalan dalam menyelesaikan masalah yang melanda anggotanya selain persoalan mengenai kewujudan serta pentingnya pergerakan itu selepas berakhirnya Perang Dingin.

Sinha berkata dalam konteks NAM, New Delhi dan Kuala Lumpur berkongsi pandangan yang sama dalam banyak isu antarabangsa dan menambah bahawa intipati pergerakan itu ialah kebebasannya dalam membuat keputusan membabitkan isu-isu antarabangsa.

"Dan saya berpendapat bahawa India dan Malaysia berkongsi dan menghargai pendapat bahawa kita mesti berautonomi... kita mesti bebas dalam membuat keputusan sendiri di peringkat antarabangsa," katanya.

Sinha berkata tahun-tahun mendatang akan lebih mencabar dan masa yang sukar dalam arena politik antarabangsa, jadi "Malaysia perlu memainkan peranan yang sangat penting dalam hal ehwal dunia".

Menurut Sinha NAM wajar memikul peranan yang lebih besar, tidak sahaja terhadap kepada bidang politik - malah memberi lebih tumpuan kepada isu-isu ekonomi dan mempromosikan kerjasama Selatan-Selatan memadamkan isu ekonomi merupakan aspek penting dalam hubungan antarabangsa hari ini.

"Dan dalam konteks itu, NAM wajar bekerja rapat dengan G-77 (Kumpulan 77 - satu kerjasama longgar negara-negara membangun) dan kami berharap Malaysia akan mengambil inisiatif itu dan menyediakan kepimpinan dalam bidang ini."

"Jika NAM mahu memainkan peranan dalam order global demokratik dan saksama, maka ia perlu membabitkan diri secara langsung dengan isu-isu ekonomi," kata Sinha.

Menteri itu bagaimanapun berkata walaupun fokus langsung diberikan kepada isu-isu ekonomi, perdagangan, pelaburan dan teknologi, idealogi (politik) masih terus menjadi agena penting NAM.

"Saya tidak berkata bahawa ia perlu menyimpang daripada membincangkan isu-isu politik. Tetapi jelas bahawa cabaran ekonomi globalisasilah yang perlu diberi perhatian oleh NAM," katanya.

Ditanya sejauh mana relevannya NAM kepada dunia globalisasi yang cepat berubah dan setelah berakhirnya Perang Dingin, Sinha berkata NAM masih penting dan "semua orang bersetuju denganya".

"Saya berpendapat fungsi NAM masih belum berakhir. NAM mempunyai peranan penting untuk dimainkan bagi pihak anggotanya dan NAM akan terus relevan dalam hal ehwal antarabangsa," katanya.

-- BERNAMA

RV AFY LAT